

THE World University Rankings 2023 UNIMAS di 1201+ Dunia



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMUJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



London, UK : Times Higher Education (THE) yang berpangkalan di London secara rasmi telah mengumumkan edisi terbaharu penarafan **World University Rankings 2023** pada 12 Oktober 2022. Ia merupakan penarafan terbesar setakat ini yang merangkumi 1799 buah universiti dan institusi merentasi 104 negara dan wilayah seluruh dunia.

Dalam pengumuman tersebut, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya mengekalkan kedudukan pada 1201+ sekalipun persaingan semakin sengit memperlihatkan pertambahan universiti dan institusi yang layak dinilai. Untuk rekod, UNIMAS mula disenaraikan dalam penarafan **World University Rankings** (WUR) pada tahun 2019.

Kedudukan penarafan tahun ini menganalisa lebih 121 juta *citations* merentasi lebih 15.5 juta penerbitan penyelidikan dan termasuk respon tinjauan daripada 40,000 sarjana seluruh dunia. Lebih 2500 universiti dan institusi telah menyerahkan data untuk penilaian, namun hanya 1799 buah sahaja yang memenuhi kriteria untuk penilaian penarafan.

Sebanyak 526 universiti hanya mendapat status sebagai 'pelapor' sahaja kerana tidak memenuhi kriteria untuk penilaian penarafan. Dipercayai di seluruh dunia oleh pelajar, para akademik, kerajaan dan pakar industri, jadual liga penarafan tahun ini mendedahkan bagaimana landskap pendidikan tinggi global sedang berubah.

Dalam analisa pemarkahan yang diumumkan, UNIMAS berjaya mendapat peningkatan markah dalam beberapa indikator antaranya *citations*, *industry income* dan *research*. *International Outlook* kekal menjadi kekuatan UNIMAS dengan pencapaian 45.7 markah menempatkan ia pada kedudukan 779 dunia manakala *citations* pula berada pada *lowest ranked pillar* di kedudukan 1523 dunia.


Petunjuk prestasi bagi penarafan WUR dikelompokkan kepada lima bahagian: Pengajaran; Penyelidikan; *Citations* (pengaruh penyelidikan); *International Outlook* (kakitangan, pelajar dan penyelidikan); dan Pendapatan Industri (pemindahan pengetahuan).

Penarafan Bintang MyMoheS Berpandukan ISO/IEC 25012 & ISO/IEC 25024

Negeri Sembilan : Penarafan bintang bagi proses penghantaran dan kualiti data Sistem MyMoheS kini dilaksanakan dengan berpandukan MS ISO/IEC 25012 dan ISO/IEC 25024.

ISO/IEC 25012 mentakrifkan modul kualiti data umum bagi data yang disimpan dalam format berstruktur dalam sistem komputer. Manakala ISO/IEC 25024 pula mentakrifkan ukuran kualiti data untuk mengukur kualiti data secara kuantitatif dari segi ciri yang ditakrifkan dalam ISO/IEC25012.

Dengan pelaksanaan berpandukan ISO ini, sekaligus kaedah penarafan bintang bagi Sistem MyMoheS kini menjadi semakin kompetitif di kalangan Universiti Awam (UA).



Kualiti data berpandukan ISO/IEC 25012 menekankan kesempurnaan, ketepatan, ketekalan/konsistensi, kefahaman, kebolehurusan, kredibiliti dan pematuhan peraturan.

Kaedah penarafan bintang terbaru ini telah dimaklumkan dalam taklimat semasa Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Bil. 2/2022 pada 12 Oktober 2022 lalu.



Mesyuarat kali ini telah berlangsung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Kesemua UA hadir dan SQRC UNIMAS telah diwakili oleh En Mohd Hairulnizam Mohd Zamri ke mesyuarat tersebut.

Pemarkahan bagi penarafan berpandukan kualiti data terkini adalah berdasarkan Ketepatan (25%), Lengkap (25%), Konsisten (20%), Kredibiliti (10%) dan Kekinian (20%).



Terdahulu, pihak Bahagian Perancangan Strategik, KPT merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak Universiti Awam dalam proses penghantaran data pelajar bagi cut-off date 31 Mei 2022 serta data staff, R&D&C dan Maklumat Institusi bagi cut-off date 30 Jun 2022.

THE Masterclass Webinar

Kota Samarahan : Times Higher Education (THE), London telah mengadakan 3 siri webinar sepanjang September 2022. Ketiga-tiga masterclass telah dihoskan oleh Mr Duncan Ross yang merupakan Chief Data Officer, THE.

Webinar berkaitan World University Ranking (WUR) 3.0 Masterclass Asia telah dijalankan pada 7 September 2022.




Masterclass ini meneliti perubahan terhadap kaedah penilaian WUR dan implikasinya untuk penarafan tahun 2024.

Seterusnya pada 20 September 2022, THE mengadakan webinar *Communicating Rankings Excellence* berkaitan cara memanfaatkan dan menyampaikan keputusan penarafan kepada pihak berkepentingan dalaman dan luaran.



la memfokuskan kepada topik dan tips berguna berkaitan penarafan dan panduan kepada universiti bagi mempromosikan institusi masing-masing.

Masterclass webinar berkaitan *University Impact Rankings 2023 - APAC Edition* pula telah dijalankan pada 26 September 2022. Ia menjurus kepada penarafan Universiti yang menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN).



Bengkel Pembangunan Model Kualiti Data

Bangi : Bengkel Pembangunan Model Kualiti Data anjuran KPT telah diadakan pada 28-29 September 2022 bertempat di Bangi Resort Hotel.

Ia selaras dengan hasrat KPT untuk mengeluarkan polisi dan garis panduan berkaitan perkongsian dan pengintegrasian data di dalam ekosistem dalaman dan luaran KPT.

Bagi memastikan kualiti data terjamin, model kualiti

data dan instrumen penilaian perlu dibangunkan.

SQRC UNIMAS telah diwakili En Mohd Hairulnizam Mohd Zamri ke bengkel tersebut.

Penyertaan ke bengkel ini adalah bagi memberi pendedahan dan peningkatan ilmu pengetahuan tentang kepentingan menguruskan serta memastikan kualiti data adalah sebagaimana memenuhi ekspektasi pemegang taruh.



Bengkel Penyediaan PPD RMK12

Putrajaya : Bengkel Penyediaan Pelaporan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) RMK12 telah dianjurkan pada 19-20 September 2022 oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT bertempat di Dewan Za'ba KPT Putrajaya.



telah diambil.

KPT telah dipertanggungjawabkan dengan tiga KPI Nasional RMK12 iaitu Pengambilan Lepas SPM ke program TVET mencapai 55% pada 2025; Kadar Kebolehpasaran Graduan IPT dan Institusi TVET Awam mencapai 86.7% pada 2025 dan Prestasi UA bertambah baik dengan 2 universiti berada dalam kedudukan 100 teratas QS WUR pada 2025.

Timbalan Pengarah SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion telah hadir selaku Sekretariat Penyelaras UNIMAS. Terdahulu pada 12 September 2022 telah berlangsung mesyuarat penyelarasan dan sesi taklimat bengkel yang diadakan secara atas talian.



Bengkel diadakan bertujuan memberi kefahaman berhubung pelaksanaan dan penyelarasan PPD RMK12 di peringkat UA, mengenalpasti dan menyemak tindakan serta menyediakan maklumbalas setiap perancangan, tindakan dan inisiatif yang



Kalendar Aktiviti




September 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JK ISMS	Penemuan Audit & Tindakan	2/09/2022
2	SAMM Surveillance Assessment MS/ISO IEC 17025:2017	FRST Lab / Standard Malaysia	5/09/2022
3	Perbincangan Bersama UG & UC	QS & THE Rankings	6/09/2022
4	THE WUR 3.0 Masterclass - Asia	Webinar by THE London	7/09/2022
5	Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan Pelaporan PPD RMK12	Bahagian Dasar & Penyelidikan, KPT	12/09/2022
6	Bengkel Penyediaan Pelaporan PPD RMK12	Bahagian Dasar & Penyelidikan, KPT	19-20/09/2022
7	Audit Pensijilan Semula QMS ISO 9001:2015	SIRIM QAS International	19-21/09/2022
8	Audit Pensijilan Semula ISMS ISO/IEC 27001:2013	SIRIM QAS International	19-21/09/2022
9	THE Masterclass: Communicating Rankings Excellence	Webinar by THE London	20/09/2022
10	THE Impact Rankings 2023 Masterclass	Focus on Submission 2023 edition	26/09/2022

Oktober 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JSKU	Bil..03/2022 Ke-25	11/10/2022
2	Mesyuarat Kualiti Data (MKD) Bil.2/2022	KPT	12/10/2022
3	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB)	Suku Ketiga Tahun 2022	14/10/2022
4	THE WUR 2023 Masterclass	Data collection & methodology	25/10/2022



STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>